

PANDUAN PENGISIAN METADATA SISTEM UTM OPEN SCIENCE (RESEARCH DATA MANAGEMENT)

METADATA : TESISPERINGATAN :

1. Proses penginputan **METADATA** dan **DESKRIPSI FAIL LAMPIRAN** adalah menggunakan **BAHASA INGGERIS** bagi semua jenis tesis.
2. Penggunaan **BAHASA MELAYU** hanya terpakai bagi bahan yang dihasilkan **sepenuhnya dalam BAHASA MELAYU sahaja** melibatkan medan **JUDUL** dan **DESKRIPSI FAIL LAMPIRAN** sahaja.

BIL.	MEDAN	DESKRIPSI
PENGISIAN METADATA REKOD (ITEM)		
1	Collection	Pilihan berdasarkan 10 bidang penyelidikan yang sepadan dengan liputan bahan yang dideposit.
2	Author	Penulis. Diisi mengikut keperluan yang telah dinyatakan oleh sistem. - <i>Family name, Given name</i> / Contoh : Muhammad Ali bin Imran --> Imran, Muhammad Ali
3	Title*	Judul bahan. Pengguna format <i>Sentence case</i> , kecuali jika terdapat nama khas. - Penggunaan Judul sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris bergantung kepada bahasa penulisan yang digunakan oleh penulis.
4	Other Titles	Judul lain (diisi mengikut keperluan)
5	Date of Issue*	Tahun penghasilan bahan
6	Publisher	Universiti Teknologi Malaysia - Nama khusus yang TIDAK diterjemah ke Bahasa Inggeris.
7	Citation	NA
8	Series/Report No.	NA
9	Identifiers	NA
10	Type	Pengisian dua (2) maklumat jenis bahan. 1. Thesis 2. Dataset Pengisian dua (2) maklumat <i>Item Type</i> ini adalah WAJIB mengikut turutan seperti dinyatakan di atas.
11	Language	Bahasa penghasilan tesis. 1. Tesis Bahasa Inggeris --> pilih ENGLISH . 2. Tesis Bahasa Melayu --> pilih OTHER .
12	Subject Keywords	Merujuk kepada subjek / katakunci umum DAN/ATAU dari Library of Congress Classification.
13	Abstract	Abstrak bahan. 1. Tesis Bahasa Inggeris --> masukkan abstrak dalam Bahasa Inggeris . 2. Tesis Bahasa Melayu --> masukkan abstrak dalam Bahasa Inggeris . Gunakan fungsi salin dan tampal untuk menyalin maklumat abstrak dari fail pdf tesis. Tampal di platfom <i>TextPad</i> atau <i>Notepad</i> sebelum proses salin dan tampal semula untuk dimasukkan pada medan <i>Abstract</i> .
14	Sponsors	Fakulti bahan dihasilkan. - Perlu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris Contoh : Fakulti Sains --> Faculty of Science
15	Description	Penganugerahan tesis mengikut peringkat pengajian bersama maklumat bidang pengajian. - Perlu diterjemahkan ke Bahasa Inggeris i. Contoh : Tesis (Doktor Falsafah (Fizik)) --> Thesis (PhD. (Physics)) ii. Contoh : Tesis (Sarjana Falsafah (Matematik)) --> Thesis (MPhil. (Mathematics))

UPLOAD FILES : MEMUATNAIK DAN PENGISIAN METADATA FAIL (LAMPIRAN TESIS)*

Semua rekod (item) yang diinput ke dalam sistem Dspace7 adalah **MANDATORI** untuk **dilampirkan fail** untuk membolehkan rekod bahan disimpan dan dideposit.

16	Title*	Nama fail lampiran. Penamaan fail lampiran adalah seperti berikut bagi kemudahkesanan fail untuk dimuatnaik ke dalam sistem berdasarkan rekod bahan yang sedang diproses. Contoh : NamapenulisKategoritesisFakultiTahun_Bilanganlampiran MohdFazrulHisyamPhDFS2020_A
17	Description	Penerangan mengenai maklumat fail lampiran. Diambil dari sumber asal tanpa sebarang kemaskini. - Penggunaan bahasa pada deskripsi lampiran sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris bergantung kepada bahasa penulisan yang digunakan oleh penulis.
18	Access condition type	NA
19	Grant access from *	NA
20	Grant access until *	NA

Nota :

3. Contoh rujukan rekod lengkap bagi pengisian metadata dan pendepositan fail adalah seperti berikut :

Judul : Optical spectra and judd-ofelt analysis of dysprosium and samarium impurities activated strontium magnesium borate glasses | Ichoja, Andrew | 2021 | Faculty of Science | Thesis (Ph.D (Physics))

URL : <http://openscience.utm.my/items/b79683be-3faa-41e4-ab90-63e48bea79cd/full>

2. Fail Lampiran yang mengandungi Borang Soal Selidik kosong (contoh Borang Soal Selidik yang digunapakai oleh penulis) adalah **TIDAK MENEPATI** kriteria fail data penyelidik untuk dijadikan lampiran fail pada rekod (item) di dalam sistem *UTM Open Science* .

Hanya **borang soal selidik yang lengkap dengan data penganalisaan** sahaja yang **BOLEH DITERIMA** sebagai fail lampiran pada setiap rekod (item) .

3. * *Mandatory Field* - Sehingga kini PUTM masih tertakluk kepada *setting* asal sistem Dspace7. Semakan oleh kumpulan teknikal (Automasi) sedang dilaksanakan untuk mengenalpasti sama ada penentuan *Mandatory Field* boleh dikemaskini atau mengikut ketetapan *setting* pada sistem sedia ada.

Sistem Dspace7 juga menjadikan **UPLOAD FILES** sebagai *Mandatory* - bermaksud semua rekod *Item* **WAJIB** ada fail sebagai lampiran.

4. Senarai tesis diekstrak daripada sistem DMS PUTM untuk mendapatkan senarai mengikut Status Tesis (*Open Access* sahaja) Peringkat tesis (Diploma, Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah) dan Fakulti.

Keutamaan diberikan kepada tesis peringkat Doktor Falsafah bagi memenuhi keperluan Pengurusan Data Penyelidikan.

Disediakan oleh :

Haslina Hussin | 20 Mac 2023

Dikemaskini oleh :

Haslina Hussin | 30 April 2023